

## **SENARAI SEMAK PERMOHONAN**

NAMA SYARIKAT : \_\_\_\_\_

PROGRAM : \_\_\_\_\_

| BIL | PERKARA                                                                                   | TINDAKAN | CATATAN |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|
| 1.  | BORANG PERMOHONAN GSSP 2025                                                               |          |         |
| 2.  | PEMBENTANGAN (Microsoft Powerpoint)                                                       |          |         |
|     | i. Tajuk/Acara Program, Tarikh dan Lokasi penganjuran                                     |          |         |
|     | ii. Objektif Program                                                                      |          |         |
|     | iii. Aturcara / Itinerari program/Acara                                                   |          |         |
|     | iv. Peserta : Domestik / Antarabangsa, Jumlah Peserta, Jumlah Negara                      |          |         |
|     | v. Artis : Domestik / Antarabangsa, Jumlah Pengikut Di Media Sosial                       |          |         |
|     | vi. Sasaran Pengunjung : Domestik Dan Antarabangsa                                        |          |         |
|     | vii. Kaedah Promosi/Publisiti/Pengiklanan                                                 |          |         |
|     | viii. Perincian Perbelanjaan                                                              |          |         |
|     | ix. Perincian Pendapatan Dari Pengajuran Program                                          |          |         |
|     | x. Return Of Investment (ROI) (Jelas Dan 'Quantifies') Dalam RM                           |          |         |
|     | xi. Bukti Pengesahan Acara (PUSPAL/PBT/PDRM/ Pemilik Lokasi)                              |          |         |
| 3.  | Dokumen Pengesahan Syarikat / Organisasi Swasta / Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) Tempatan |          |         |
|     | i. Pendaftaran Syarikat (SSM) / Persatuan                                                 |          |         |
|     | ii. Profil Syarikat / Persatuan                                                           |          |         |
|     | iii. Borang 3, Akta Pertubuhan 1966                                                       |          |         |
|     | iv. Borang Pendaftaran Badan Sukan / Yang Berkaitan Di Bawah Akta Pembangunan Sukan 1997  |          |         |
| 4.  | Nama Dan No.Tel/HP                                                                        |          |         |



# FAQ



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP) 2025

LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (LPPM)



1. Soalan: Pihak kami akan menganjurkan acara pelancongan, perlukah mendapat kelulusan GSSP sebelum pelaksanaan program?

Jawapan: GSSP tidak memberikan apa-apa kelulusan untuk melaksanakan program. Kelulusan pelaksanaan program adalah di bawah pihak berkuasa seperti PUSPAL, Pihak Berkuasa Tempatan, PDRM dan lain-lain.

2. Soalan: Pihak kami memerlukan sebanyak amaun untuk menganjurkan program ini, bolehkah GSSP membiayai program kami?

Jawapan: GSSP adalah geran inisiatif yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk menyokong penganjuran program-program pelancongan yang memberikan impak kepada sosio-ekonomi negara. Amaun yang diluluskan di bawah GSSP ini adalah bersifat sokongan dan bukannya pembiayaan.



3. Soalan: Apakah kaedah/ medium peruntukan Geran Sepadan Sektor Pelancongan (GSSP) 2025?

Jawapan: Format peruntukan GSSP adalah secara tuntutan bayaran semula (reimbursement). Tuntutan bayaran semula hanya boleh dibuat selepas program / acara tamat dan selesai sepenuhnya dengan mengemukakan laporan akhir beserta timbalbalas (deliverables) mengikut syarat dan terma yang dipersetujui bersama di dalam Surat Setuju Terima (SST) Perjanjian Kerjasama.



4. Soalan: Apakah tarikh akhir dan tempoh pemprosesan permohonan GSSP 2025?

Jawapan: Tempoh permohonan adalah bermula dari 2 Januari hingga 30 November 2025 (bergantung kepada baki GSSP tahun semasa) manakala pelaksanaan program / acara yang diluluskan bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2025.



5. Soalan: Sekiranya telah menerima peruntukan/ bantuan kewangan/ penajaan dari mana-mana pihak, adakah permohonan GSSP2025 tidak layak dipertimbangkan/ ditolak?

Jawapan: Penganjur bertanggungjawab untuk memaklumkan sekiranya telah menerima mana-mana bantuan kewangan daripada mana-mana Kementerian dan agensi di bawahnya. (walaupun belum menerima maklumbalas)

Nota : Tourism Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan GSSP sekiranya di dapati penganjur gagal dalam memaklumkan perkara ini.



6. Soalan: Bolehkah kelulusan yang diberikan di subkontrak kepada Syarikat lain?

Jawapan: Pemohon hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tuntutan GSSP2025 yang dikemukakan kepada Urusetia adalah di bawah nama pemohon yang sama. Sekiranya di dapati terdapatnya elemen pemalsuan atau subkontrak, Tourism Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan yang diberikan dan pembayaran tidak akan dilaksanakan.



7. Soalan: Apakah tasiran 'BERTARAF DOMESTIK' & 'BERTARAF ANTARABANGSA' ?

Jawapan: DOMESTIK – Program yang mempunyai impak tinggi yang diadakan di dalam negara tetapi hanya melibatkan penyertaan dari negeri-negeri di Malaysia sahaja.

ANTARABANGSA – Program yang mempunyai impak tinggi yang diadakan di dalam negara dan melibatkan penyertaan dari negara luar sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah keseluruhan penyertaan; dan terdiri dari 5 negara asing atau lebih.

Nota : Kegagalan dalam mengemukakan timbal balas dan sebarang perubahan tanpa persetujuan/pengesahan kedua-dua pihak, Tourism Malaysia berhak membatalkan perjanjian ini serta merta dengan memberi notis pembatalan bertulis. Tuntutan atau rayuan selepas pembatalan tidak akan dipertimbangkan oleh Tourism Malaysia.

